



UOBAM perkenal dana pelaburan ESG

7 March 2022, Online



UOBAM perkenal dana pelaburan ESG

KUALA LUMPUR: UOB Asset Management (Malaysia) (UOBAM Malaysia) melancarkan dana United ESG Series-EAFE Plus Fund (UEAFEPF), yang memberikan akses kepada syarikat yang mempertimbangkan aspek alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) disepakta ke dalam model dan amalan perniagaan.

Dana berkenaan menyumbang dan meraih manfaat daripada peluang pertumbuhan jangka panjang di Eropah, Australasia dan Timur Jauh (EAFFE), termasuk pasaran baru muncul atau secara kolektif dipanggil sebagai EAFE Plus.

Ia melabur khususnya dalam ekuiti dan sekuriti berkaitan ekuiti yang diterbitkan oleh syarikat di rantau EAFE Plus yang mengikuti arah aliran pertumbuhan jangka panjang seperti revolusi penjagaan kesihatan dan teknologi maklumat, serta peralihan kepada sumber tenaga boleh diperbaharui.

UEAFEPF sesuai untuk pelabur runcit yang ingin peningkatan modal jangka panjang ke atas pelaburan, mempunyai toleransi risiko yang tinggi dan mencari pendedahan pelaburan di rantau EAFE termasuk pasaran baru muncul.



UOBAM perkenal dana pelaburan ESG

7 March 2022, Online

Ketua Pegawai Eksekutif UOBAM Malaysia, Lim Suet Ling, berkata persekitaran pelaburan rantau EAFE Plus adalah amat menarik dan menawarkan potensi jangka panjang untuk pelabur Malaysia yang mencari peluang pertumbuhan.

Beliau berkata, portfolio UEAFEPF terdiri daripada 20 hingga 35 syarikat pertumbuhan cemerlang termasuk perniagaan disruptif kepada sektor utama indeks penanda aras, yang bertujuan untuk memperoleh bahagian pasaran yang besar.

Katanya, dana terbabit akan meluaskan akses pelabur kepada syarikat global terkemuka di luar Amerika Syarikat (AS), yang menjadi inovator digital baru muncul dalam industri teknologi, jenama pengguna yang lama bertahan dan sedang meningkat melalui pendigitalan.

"Syarikat berkenaan biasanya sangat kurang diwakili dalam portfolio global. Terdapat saluran penyelidikan kukuh yang bersaing untuk memperoleh modal di Rantau EAFE Plus.

"Penyelidikan ini termasuk membantu perniagaan mengurangkan kos penggunaan tenaga boleh diperbaharui, menginovasikan penjagaan kesihatan menggunakan platform digital baharu dan menggunakan pertumbuhan eksponen dalam kuasa pengkomputeran untuk mengubah sektor utama ekonomi global.

"Perubahan yang ketara sedang berlaku di rantau ini dan percaya portfolio kami berada pada kedudukan yang baik untuk meraih manfaat daripada peluang ini," katanya dalam satu kenyataan.

Dana bertujuan untuk mencapai peningkatan modal jangka panjang dengan melabur sekurang-kurangnya 90 peratus daripada nilai aset bersih dalam ekuiti dan sekuriti berkaitan ekuiti di rantau EAFE termasuk pasaran baru muncul.

Bakinya pula akan dilabur dalam aset cair seperti instrumen pasaran wang dan deposit.

UEAFEPF disediakan dalam kedua-dua mata wang domestik dan asing dengan pelaburan permulaan minimum berjumlah RM1,000, A\$1,000, AS\$1,000, £1,000 dan RMB1,000.

Ia diuruskan oleh Baillie Gifford Overseas Limited (Baillie Gifford), pengurus pelaburan antarabangsa yang mempunyai rekod prestasi jangka panjang cemerlang dalam pasaran ekuiti global.